"PROPOSED FOREST RESERVE AT BUKIT TUNGGU: THE CONSERVATOR OF FORESTS, FEDERATED MALAY STATES & STRAITS SETTLEMENT SENT TO THE SELANGOR RESIDENT SECRETARY THE PROPOSAL TO RESERVE FOREST AT BUKIT TUNGGU WHICH COVERED THE AREA OF MERBAU, MERANTI AND PETALING FOR THE PUBLICATION IN THE FEDERAL GAZETTE UNDER SECTION 12 OF THE FOREST ENACTMENT.").

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1913-1916





Peta sekitar Hutan Simpan Bukit Tunggul:-

Kiri: Bahagian Selangor, 1913 (Berdasarkan peta Survey Department, Singapore, 1913:

|
"Selangor, Federated Malay States 1913").

Kanan: Bahagian Negeri Sembilan, 1916 (Berdasarkan peta Survey Department, Singapore, 1916:

|
"Negri Sembilan, Federated Malay States (F.M.S.) 1916").

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1918



Peta sekitar Hutan Simpan Bukit Tunggul (sebelah Selangor), 1918 (Berdasarkan peta Survey Department, Singapore, 1918:

"Selangor, Federated Malay States 1918").

1926-04-16: Tapak Kuarters Pengawas Hutan

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 16/04/1926:

"SITE FOR QUARTERS FOR TWO FOREST GUARDS AT BUKIT TUNGGUL".

1926-08-12: Permit Perlombongan Mr. Symons

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 12/08/1926:

"SANCTION TO ISSUE A PERMIT TO MR. SYMONS TO PROSPECT FOR TIN, IN THE SWAMP IN NORTHERN PART OF THE BUKIT TUNGGUL FOREST RESERVE".

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1927



Peta sekitar Hutan Simpan Bukit Tunggul (sebelah timur), 1927 (Berdasarkan peta Survey Department, Singapore, 1927 @ National Archives of Singapore:


"Parts of Seremban and Jelebu Districts with portions of Ulu Langat and Kuala Langat Districts (Selangor), Kajang, Negri Sembilan").

1927-12-24: Permohonan Perlombongan Sime Darby

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 24/12/1927:

"APPLICATION BY SIME DARBY AND COMPANY LIMITED, FOR A PROSPECTING LICENCE OVER 400 ACRES OF LAND IN THE BUKIT TUNGGU FOREST RESERVE OF KAJANG".

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1929



Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul, 1929 (Berdasarkan peta Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)".

1933-03-28: Permit Penanaman Padi

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 28/03/1933:

"SANCTION FOR THE ISSUE OF A PERMIT FOR THE SWAMPY LAND IN THE NORTH-EASTERN CORNER OF BUKIT TUNGUL FOREST RESERVE FOR PADI CULTIVATION".

1947-07-29: Permit Tanaman Makanan

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR, 29/07/1947:

"PERMIT TO CULTIVATE FOODSTUFFS IN PART OF COMPARTMENTS 11 AND 18 BUKIT TUNGUL FOREST RESERVE (125 ACRES) TEH CHOO TOH AND LEE WEE THENG".

1947-11-02: Stesen Trigonometri Didirikan



Kiri: Stesen Trigonometri di puncak Bukit Tunggul: *“The beirut aka trig. You can spot it from Bukit Beirut but technically it’s located atop Bukit Tunggul.”* ([Muna Noor @ POKOK KELAPA](#), NOVEMBER 12, 2021:

["BUKIT TUNGGUL HIKE"](#)).


Tengah: Bahagian luar stesen trigonometri, dari jarak dekat ([Muna Noor @ POKOK KELAPA](#), NOVEMBER 12, 2021:

["BUKIT TUNGGUL HIKE"](#)).

Kanan: Bahagian dalam stesen trigonometri, di mana catatan ketika pembinaan dapat ditemui: *“Apabila beirut tiada orang untuk bergambar, akupun cuba masuk ke dalamnya. Kebiasaanku mencari tarikh beirut ini dibuat oleh Juruukur pada zaman dahulu. Pastinya tulisan hitam itu tidak hilang dilapuk zaman. Sah jumpa nama dan tarikh yang dicatatkan 2 November 1947. Nasib baiklah pendaki yang suka mencatatkan sesuatu dipermukaan besi beirut ini tidak mencontengnya. Jikalau tidak, pasti tarikh ini tidak dapat dikesan.”* ([Norzaiham Nazley @ zaiham 9W2DYA / 113MB290](#), October 24, 2021:

["Bukit Tunggul, Jenderam"](#)).

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1948-1950





Peta sekitar Hutan Simpan Bukit Tunggul, bahagian Negeri Sembilan, 1961 (Berdasarkan peta Survey Department, Malaya, 1961 @ Australian National University:

"Malaysia, Malaya, Negri Sembilan 1961, 1962, 1:126 720").


Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1963




Peta Topografi Hutan Simpan Bukit Tunggul, 1963 (Berdasarkan peta Director of National Mapping, Malaysia, 1963 @ Australian National University:

"Malaysia, Negri Sembilan, Selangor, Sepang, Series: L7010, Sheet 102, 1963, 1:63 360").

Peta Hutan Simpan Bukit Tunggul 1970





"Name: Pertubuhan Peladang Kawasan Seremban

Address: Mini Estet Bukit Tunggul, Lot 8213, Mukim Setul, 71900 Seremban, Negeri Sembilan

Area (Ha): 65.96 Ha

GPS Location: 2.857177, 101.781041"

(Sumber: ECCO Certified Sdn Bhd (1291908-K), 21st September 2020:

"MSPO STAKEHOLDER NOTIFICATION: 42. Pertubuhan Peladang Kawasan Negeri Sembilan").


1974: Perpindahan Warga Hutan Simpan Bangi

Hutan Simpan Bangi telah didiami oleh masyarakat [Orang Asli Temuan](#), sejak akhir tahun 1950-an: "Pada akhir tahun 1950-an empat keluarga orang Temuan dari kampung orang Asli Bukit Dugang, Sepang telah membuka sebahagian kecil daripada kawasan hutan simpan Bangi yang sekarang menjadi tapak Universiti Kebangsaan Malaysia. Turut sama dalam pembukaan itu ialah Batin Yut anak Jenang Pilis yang sebelumnya menjadi ketua orang Asli di Bukit Dugang- Dialah yang mengetuai pembukaan kawasan hutan itu. ...pada awal tahun 1970-an perkampungan Orang Temuan di Bangi yang bermula dengan empat keluarga itu telah berkembang menjadi 22 keluarga dan penduduknya kecil besar ada kira-kira 100 orang. Orang Asli yang berkenaan ada rumah, ada kerja, ada kebun getah dan pokok buah-buahan dan hidup pun agak senang. Mereka ingin terus menetap di tempat itu. Akan tetapi, nasib nampaknya tidak terus menyebelahi mereka." (Dr Mohamed Salleh Lamry, 2005:

"Mangsa Pembangunan: Orang Asli Temuan di Sungai Buah dan Bukit Tunggul, Sepang, Selangor").

Ketika pembinaan pesat UKM sepanjang tahun 1974 ini, masyarakat Temuan di sini telah dipindahkan oleh pihak kerajaan ke kawasan hutan di [Sungai Buah](#) dan [Hutan Simpan Bukit Tunggul](#), berhampiran pekan Bangi (Lama). Namun pada tahun 1993, kawasan tersebut telah diambilalih pula oleh sebuah

syarikat swasta untuk pembinaan padang golf. Nama kawasan tersebut juga telah diubah kepada **Bukit Unggul Golf Country Resort (BUGCR)**.



Perpindahan masyarakat Temuan, dari **Hutan Simpan Bangi** di sebelah timur, ke Kampung Orang Asli **Sungai Buah** dan **Hutan Simpan Bukit Tunggul** di selatan (kini **Bukit Unggul Golf & Country Club**). (Sumber peta: [Mapcarta](#)). Di sebelah barat adalah petempatan asal mereka di **Bukit Dugang** (Sumber peta: [Mapcarta](#)).

"Pada tahun 1970, wujud kampung orang asli di Sungai Buah. Hal ini demikian kerana, penempatan orang asli ini pada asalnya terletak di UKM, namun apabila ditubuhkan Fakulti Undang-Undang di UKM, penempatan mereka terpaksa dipindahkan ke kampung Sungai Buah." (KAMPUNG SUNGAI BUAH: 25 Oktober 2015:

"SEJARAH KAMPUNG SUNGAI BUAH").

"Menurut Juli pengerusi MPKK Kampung Sungai Buah, kampung asal mereka terletak di tapak pembinaan UKM yang ketika itu dikenali sebagai kampung Batu 20. Ketika itu kampung tersebut dihuni lebih kurang 200 orang penduduk kampung lebih ramai dari sekarang. ... Dari sini kita dapat melihat bagaimana peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam memujuk Orang Asli yang ketika itu mendiami hutan simpan kerajaan negeri Selangor untuk berpindah ke kawasan baru yang itu di Sungai Buah. Menurut encik Juli, pada ketika kejadian tersebut beliau masih lagi kecil namun masih ingat dalam ingatan apa yang terjadi. Megikut cerita Tok Batin pada ketika itu, mereka telah diberi imbuhan atas sebab kehilangan kampung dan tanah. Namun jumlah imbuhan tersebut tidak setimpal apa yang diperolehi berdasarkan cerita Tok Batin. Malah perpindahan ini juga dikatakan agak tergesa-gesa tanpa diberi apa-apa kemudahan seperti rumah. Orang Asli ketika itu terpaksa berpindah segera pada waktu malam dengan mengangkut segala keperluan dan barangan mereka seperti pinggan mangkuk, haiwan ternakan dan lain-lain. Perpindahan mereka turut dibantu oleh

JHEOA yang menyediakan lori untuk berpindah namun tempat yang dipindahkan itu tiada kemudahan yang sewajarnya seperti rumah dan kemudahan asas seperti elektrik dan air. Mereka dipindahkan dikawasan hutan simpan yang diberi nama Bukit Tunggul dan setelah selesai permindahan mereka terus membina penempatan sementara kerana untuk berteduh setelah malam hari ketika perpindahan berlaku. Namun ada sebahagian Orang Asli telah tinggal ke tempat asal mereka seperti di Hulu Langat dan daerah-daerah lain membawa haluan masing-masing bagi sesiapa yang tidak mahu mengikut berpindah ke Bukit Tunggul. Masyarakat Orang Asli Sungai Buah telah menerima pelbagai dugaan sepanjang mereka berpindah keluar dari tanah asal mereka di Kampung Batu 20 (sekarang UKM). Perpindahan mereka seolah-olah pelarian di mana hak dan tempat tinggal tidak disediakan sebelum perpindahan malah pampasan atau sagu hati yang diberikan tidak mengikut nilai tanah atau undang-undang yang betul pada ketika itu kerana Tok Batin ketika itu tidak tahu hak-hak mereka. dengan baik. Walaupun kerajaan memberi mereka tempat tinggal di Bukit Tunggul, namun perlu diketahui mereka perlu berteduh ketika waktu malam pada malam perpindahan dengan apa yang ada dan membuat rumah asal siap sekurang-kurangnya untuk berteduh satu malam sebelum menjelang hari siang (Temu Bual, 2019). Malah kejadian yang sama berulang pada tahun 1990-an di mana pembinaan Kelab Gol Bukit Unggul telah menjejaskan bekalan air dan elektrik pada mereka.” (Nor Adli Firdaus, Al-Amril Othman, 2020 @ Jurnal Wacana Sarjana, 4 (5). pp. 1-13. ISSN 2600-9501:

|
"Menyingkap selingkar kisah korban pembangunan: dari Batu 20 ke Bukit Unggul.").

“Tanah yang diperuntukkan kepada UKM sebanyak 2,300 ekar tidak seluruhnya hutan asal yang tidak diteroka. Terdapat kumpulan Orang Asli yang tinggal di bahagian utama Kampus UKM, manakala terdapat pula orang-orang Melayu yang tinggal di tepian jalan dari bahagian berdekatan dengan Hentian Keretapi Sungai Tangkas (kini UKM) memanjang tepi jalan hingga selekoh ke Jalan Dengkel yang dari Sungai Tangkas hingga ke sini (kiri) termasuk di bawah kawasan Kampus UKM. Melalui rundingan dan pampasan Orang Asli bersetuju berpindah ke kaki Bukit Tunggul (kini Bukit Unggul), manakala bagi orang-orang Melayu diberi pampasan dan lot tanah di Sungai Tangkas. Sebahagian daripada mereka diganti dengan tanah dan pampasan di Kg. Baharu, Pekan Bangi.”



(Petikan artikel dan gambar: Dr Shafie Abu Bakar, May 31, 2014:

"Fenomena Bangi-UKM").

Menurut Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Emeritus Dato' Dr Hood Salleh: "... pembangunan dan perkembangan infrastruktur UKM pada tahun-tahun 1970an yang membawa perubahan kepada kaum Asal di sekitar Bangi pada tahun 1974 apabila kawasan kediaman mereka diambil alih untuk bangunan-bangunan baru UKM. Kerajaan juga telah menggubal satu Akta pada tahun 1974 yang mensyaratkan pemindahan mandatori orang asal di kawasan Hulu Langat untuk membangunkan UKM. Orang Asli di situ mendakwa mereka tidak diberi pertimbangan ketika diarah berpindah ke tempat lain. Walaupun diberi pampasan dan perumahan baru, mereka berasa kecil hati kerana kawasan hutan rimba kediaman asal mereka mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan harian mereka." (Saiful Bahri Kamaruddin @ Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 OKTOBER 2012:

"Kaum Asli Perlu Dibawa Berunding Sebelum Sesuatu Projek Melibatkan Kehidupan Mereka Dilaksanakan").

LATAR PERISTIWA: Hutan Simpan Bangi.

1993-09-28: Padang Golf Bukit Unggul

"Carved into a 65-hectare valley, the par 71 5,858 metre long 18 hole course is a natural wonder created by renowned American Architect, Ronald Fream. Bukit Unggul Country Club was incorporated in Malaysia on 26 February 1987 as a registered company known as BERKAT MAKMUR SDN. BHD. On July 20, 1991, the Company's name was changed to the BUKIT TUNGGUL HOLDINGS SDN. BHD which is then converted to the BUKIT TUNGGUL COUNTRY SDN. BHD. on 23 August 1993 in accordance with the activities carried out by the Company. The company has changed as a public company on 28 September 1993 and known as the BUKIT TUNGGUL COUNTRY CLUB BERHAD before known to exist now, BUKIT UNGGUL COUNTRY CLUB BERHAD (BUCC). As a subsidiary of Karambunai Corp Berhad, BUCC involved in providing facilities to play golf, restaurant services, providing a place for seminars and courses and recreational activities appropriate. Located just 40 minutes from the Kuala Lumpur city center, Bukit Unggul is strategically located in the heart of the country's Multi-Media Super Corridor of Putrajaya and Putrajaya. Access to this popular valley-style course is made simple by the KL-Seremban Highway, and the Lebuhraya Putrajaya-Cyberjaya." (Jobstreet:

"BUKIT UNGGUL COUNTRY CLUB BERHAD").



"Steeped in Orang Asli land issue controversy, the (3) Bukit Unggul Golf and Country Resort is a par-71, 5,858 metre long 18-hole hilly golf course. It was designed by American Ronald Fream and was established in 1994." (Eric Lim @ Museum Volunteers, JMM, May 22, 2021:

|
 "A Very Rough Guide to Dengkil").

2005: Makalah Dr Salleh Lamry

"Pada 1974 tanah yang mereka duduki di kawasan Bangi diambil oleh kerajaan untuk pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selepas itu, mereka berpindah ke kawasan hutan Sungai Buah dan Bukit Tunggul, kira-kira 10 km dari situ. Bagaimanapun, pada awal 1993 kawasan Bukit Tunggul diambil alih pula oleh sebuah syarikat swasta untuk pembinaan padang golf. Walaupun pihak syarikat ada menyediakan rumah, tetapi pihak kerajaan tidak memberi tanah gantian. Rumah yang disediakan itu juga tidak sempurna. Akibatnya sebahagian orang Temuan di Bukit Tunggul telah berpindah ke tempat lain, dan sebahagian lagi bertahan di kawasan belukar di lereng bukit tersebut. Sementara itu, orang-orang yang masih tinggal di Sungai Buah sentiasa merasa tidak selamat, kerana tanah yang mereka duduki masih belum diberi hak milik." (Dr Mohamed Salleh Lamry, 2005:

|
 "Mangsa Pembangunan: Orang Temuan di Sungai Buah dan Bukit Tunggul, Sepang, Selangor").

2013-04: Pernyataan SUHAKAM

"8.120 There was also apparent injustice towards the Orang Asli who used to live and forage in a large area but were moved out – some without any regard for their conditions – to make way for the rapid commercial development. The case of the Temuan from Bukit Tunggul, Dengkil (A270) who were asked to moved twice – first when the area was given to the Universiti Kebangsaan Malaysia (500 acres) and then to Bukit Unggul Resort (1378 acres). With only 20 acres of un-gazetted area for their settlement remaining, the community fear that their traditional community may soon disappear."

....
 8.128 In case A270 (Bukit Tunggul, Selangor), while compensation was paid, this was inadequate to ensure that the Temuans concerned could build a new life or maintain their traditional ways of life. The witness from Universiti Kebangsaan Malaysia (W14) said of the miserable relocation exercise in the 1970s: "UKM paid the compensation amounting RM810,985.25 to those who lived on the land and requested them to move." W13, a representative of Bukit Unggul Resort, said that RM2 million was set aside to mainly build houses (within the 20-acre plot) but complained that Orang Asli are still entering the forest areas now belonging to the Resort." (SUHAKAM, April 2013:

|
["Malaysia: Report of the National Inquiry into the Land Rights of Indigenous Peoples"](#), m.s.162-163).

2015-11-13: Soalan Bertulis DUN Selangor

"Setakat ini terdapat sebuah Kampung Orang Asli yang masih tiada bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Nama kampung adalah seperti berikut:"

| Bil. | Nama Kampung | Daerah | Jumlah KIR | Catatan |
|------|------------------------------|----------|------------|---------------|
| 1. | Kg. Orang Asli Bukit Tunggul | Selangor | 16 | Masalah tanah |

(Sumber: Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Tahun 2015, 30 Oktober 2015, 02 November - 06 November 2015 dan 11 November - 13 November 2015:

|
["85\) KAMPUNG ORANG ASAL"](#)).

2016: Makalah Dr Zawawi Ibrahim

Sumber: Zawawi Ibrahim, 2016:

|
["Anthropologizing Human Insecurities: Narrating the Subjugated Discourse of Indigenes on the Deterritorialized Landscapes of the Malaysian Nation-State"](#), m.s.38).

2016-03-17: Liputan The Star

Time to resolve orang asli land issues near Dengkil

Star 17/3/2015 Pg. 17

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

PETALING JAYA: Land issues affecting the orang asli in Bukit Tunggul and Bukit Jenuk, near Dengkil, need to be resolved so that they can be provided with amenities, says the Centre for Orang Asli Concerns.

The centre's coordinator Dr Colin Nicholas said only landowners could apply for amenities, but the orang asli did not have land titles.

"Solve the orang asli land issue first by recognising the existing villages as orang asli reserve land," he said.

The plight of the orang asli villages along Putrajaya's border was highlighted by an online portal recently.

The Report of the National Inquiry into the Land Rights of the Indigenous People (2013) stated that the Temuan from Bukit Tunggul, Dengkil, were asked to move twice - first when the area was given to the Universiti Kebangsaan Malaysia (202.34ha) and then to Bukit Unggul Resort (557.66ha).

On Monday, the online portal quoted a Bukit Tunggul orang asli, who refuted claims by the authorities that the villagers had received RM2mil in compensation to vacate their land.

The orang asli said they were in the dark about any negotiations done on their behalf.

Dr Nicholas claimed that the agreement

between the then Orang Asli Affairs Department (now called Orang Asli Development Department) and the golf course developer was null and void as the deal had not been adhered to.

He said the state government had sold off the land to the golf resort in 1993 and in the agreement, the sum was not to exceed RM2mil in compensation, which included construction of houses in Kg Kechau in Semenyih for 32 families, translocation of graves, monthly stipend of RM200 for six months, compensation for loss of trees, and the provision of water and electricity, a community hall and road infrastructure.

"The Orang Asli Affairs Department was solely responsible for the resettlement because it undertook the responsibility," he claimed.

Moreover, Dr Nicholas also said that after the Selangor government resettled the orang asli from the UKM site to the Bukit Tunggul permanent forest reserves in the late 1970s, the state was supposed to gazette the land for them, but did not do so.

Following the agreement in 1993, he said the orang asli were supposed to move to Kg Kechau in Semenyih, but some did not do so because the land belonged to another orang asli group.

Furthermore, there were not enough land, houses or facilities there, he added.

"Land issues affecting the orang asli in Bukit Tunggul and Bukit Jenuk, near Dengkil, need to be resolved so that they can be provided with amenities, says the Centre for Orang Asli Concerns. The centre's coordinator Dr Colin Nicholas said only landowners could apply for amenities, but the orang asli did not have land titles.

'Solve the orang asli land issue first by recognising the existing villages as orang asli reserve land,' he said.

The plight of the orang asli villages along Putrajaya's border was highlighted by an online portal recently.

The Report of the National Inquiry into the Land Rights of the Indigenous People (2013) stated that the Temuan from Bukit Tunggul, Dengkil, were asked to move twice - first when the area was given to the Universiti Kebangsaan Malaysia (202.34ha) and then to Bukit Unggul Resort (557.66ha).

On Monday, the online portal quoted a Bukit Tunggul orang asli, who refuted claims by the authorities that the villagers had received RM2mil in compensation to vacate their land.

The orang asli said they were in the dark about any negotiations done on their behalf.

Dr Nicholas claimed that the agreement between the then Orang Asli Affairs Department (now called Orang Asli Development Department) and the golf course developer was null and void as the deal had not been adhered to.

He said the state government had sold off the land to the golf resort in 1993 and in the agreement, the sum was not to exceed RM2mil in compensation, which included construction of houses in Kg Kechau in Semenyih for 32 families, translocation of graves, monthly stipend of RM200 for six months, compensation for loss of trees, and the provision of water and electricity, a community hall and road infrastructure.

'The Orang Asli Affairs Department was solely responsible for the resettlement because it undertook the responsibility,' he claimed.

Moreover, Dr Nicholas also said that after the Selangor government resettled the orang asli from the UKM site to the Bukit Tunggul permanent forest reserves in the late 1970s, the state was supposed to gazette the land for them, but did not do so.

Following the agreement in 1993, he said the orang asli were supposed to move to Kg Kechau in

Semenyih, but some did not do so because the land belonged to another orang asli group. Furthermore, there were not enough land, houses or facilities there, he added."

(Sumber: Loh Foon Fong @ The Star, 17 March 2016:

|
"Time to resolve orang asli land issues near Dengkil").

2016-03-17: Pernyataan Menteri Besar Selangor

"Kerajaan Negeri sedang meneliti lokasi penempatan baharu buat Orang Asal Bukit Tunggul berikutan lokasi kediaman mereka kini dimiliki Bukit Unggul Golf Country Resort (BUGCR). Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu dilakukan demi kebajikan penduduk dan memberi ruang kepada mereka untuk melihat dahulu tapak dicadangkan nanti. "Kita sudah arahkan Pegawai Daerah Sepang untuk meneliti lokasi sesuai dan akan teruskan perbincangan dari masa ke masa," katanya kepada media ketika ditemui selesai Majlis Graduasi SITEC Online 100 di Pusat Kreatif Digital Selangor (SDCC) di sini, semalam. Berbeza dengan pentadbiran lama, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri hari ini tidak menghalau penduduk yang masih mendiami kawasan itu. "Kita tidak halau dan menghormati hak mereka kerana kita bukannya Robin Hood yang cuma tahu rampas hak orang," katanya. Sebelum ini, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mendedahkan keseluruhan tanah Kampung Orang Asli Bukit Tunggul adalah milik BUGCR. Tanah itu diberi hak milik kepada BUGCR pada 1993 dengan pampasan berjumlah RM2 juta kepada penduduk kampung berkenaan. Bagaimanapun, sebahagian penduduk enggan berpindah atas alasan mereka bakal kehilangan sumber pendapatan. Terdahulu, media mendedahkan Kampung Orang Asli Bukit Tunggul Blok A, B dan C tidak mendapat bekalan elektrik dan air bersih walaupun kedudukannya tidak sampai lima kilometer dari Putrajaya." (PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 2016-03-17:

|
"SELANGOR CARI PENEMPATAN BAHARU ORANG ASAL BUKIT TUNGGAL").

2016-03-30: Liputan Free Malaysia Today

"Mantan Prof Madya dan Sarjana Tamu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohamed Salleh Lamry, berkata kes tanah Orang Asal Bukit Tunggul di Dengkil, Sepang yang dijual oleh kerajaan negeri kepada swasta pada tahun 1993 adalah kes klasik mengenai dilema Orang Asal di negara ini. Katanya, perkara itu menimbulkan masalah yang berlarutan termasuk dinafikan kemudahan asas seperti elektrik dan air bersih. "Mengikut dapatan, kes sama juga berlaku di Sabah, namun saya tidak ada rekod mengenai Orang Asal di Sarawak, tapi saya yakin kes sama juga berlaku. "Jika mereka ini ada geran tanah, mungkin hal yang berlaku di Bukit Tunggul itu boleh dielakkan, selain tanah mereka takkan diambil sesuka hati," katanya dalam wawancara eksklusif bersama FMT, di sini, semalam." (Faridz Ridzwan @ Free Malaysia Today, March 30, 2016:

|
"Kerajaan negeri perlu beri geran tanah kepada Orang Asal").

2020-11: Dapat Kajian Lapangan

"Di kawasan kajian ini, terdapat pertikaian dengan Orang Asli berkait dengan pemegang tanah Bukit Unggul Resort dan pihak pemaju yang ingin membangunkan lebuh raya dan tapak perumahan. Cadangan perancangan yang dibangunkan ini telah menimbulkan kemarahan masyarakat Orang Asli

kerana sebahagian besar tanah mereka telah diambil bagi tujuan pembangunan. Bagi Orang Asli, pihak ini telah melakukan pencerobohan tanpa izin kerana mereka tidak mendapat sebarang makluman daripada pihak atasan berhubung dengan pembangunan yang ingin dibangunkan.” (Nurul Amira Abdul Wahab, Azima Abdul Manaf, November 2020:

"Faktor yang Mendorong Pertikaian terhadap Boleh Guna Tanah Milik Orang Asli").

2021-05-22: Rencana Sukarelawan Muzium



“In 1993, the Selangor state government sold a piece of land at Bukit Tunggul for the development of a golf resort. Thirty-four families of the Temuan Orang Asli group were told to vacate their land. This was the second time they were asked to move. Originally, the Temuan were from Bangi and in 1974, the Government told them to move as the land was marked for the construction of Universiti Kebangsaan Malaysia. They resettled at Kampung Sungai Buah and Bukit Tunggul. The golf resort developer agreed to offer cash and build houses for them at Kampung Kechau Orang Asli Settlement, Semenyih. Many do not want to move there as that belongs to another group of Orang Asli. According to a press report in 2016, these families are still staying put on the land that now belongs to Bukit Unggul Golf and Country Resort Sdn Bhd without electricity and water supply. ... The Orang Asli are now staying at Kampung Orang Asli Bukit Tunggul, which is next to the entry road to Bukit Unggul

Golf & Country Resort. They have access to water by sharing a water supply pipe but there is still no electricity supply.” (Eric Lim @ Museum Volunteers, JMM, May 22, 2021:

|


"A Very Rough Guide to Dengkil").

Hutan Bukit Tunggul Kini



"Hutan Simpan Bukit Tunggul: 1985-2021" (Sumber koleksi gambar satelit: Google Earth / Maps).

Sebahagian daripada kawasan hutan yang tinggal, iaitu di sekitar kawasan menara-menara pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang membelah hutan itu, kini menjadi tumpuan aktiviti hiking dan juga sukan bermotor (cub cross). Ia kini lebih popular dikenali sebagai Bukit Berot (mungkin merujuk puncak Bukit Beirut, berhampiran puncak Bukit Tunggul):-



"Bukit Tunggul Forest Reserve, Hutan Rizab Bukit Tunggul: Forest reserve - a forested area set aside for preservation or controlled use" (mindat.org):

"Hutan Rizab Bukit Tunggul, Selangor, Malaysia").



"Seorang pendaki, Mustapa Lakawa berkata, terdapat beberapa laluan untuk sampai ke puncak Bukit Berot yang mempunyai jarak antara lima hingga 12 kilometer naik dan turun. "Ada jalan yang mudah, sederhana dan agak sukar. Ada jalan A, B dan C tetapi A paling mencabar. Semuanya ada cabaran serta keseronokan tersendiri apatah lagi apabila dapat bergambar di bawah pencawang elektrik yang mewujudkan aura luar biasa. "Maklumlah, tidak banyak bukit yang terdapat pencawang elektrik di atasnya, biasanya kita lihat cuma pemandangan dan mungkin ada batu besar untuk bergambar. Kalau nasib baik, kita dapat saksikan awan karpet serta cuaca sejuk seperti di Kundasang, Sabah. "Tetapi di Bukit Berot terdapat pencawang dan juga tugu logam berbentuk segi tiga yang menjadi elemen penambah seri dalam aspek fotografi," kata Mustapa yang merupakan peminat hiking tegar." (Sumber: Khadijah Mohamad Nor @ KITA Reporters, 06 NOV 2021:

"Bukit Berot, tarikan baharu Jenderam Hilir! Tumpuan pengunjung luar setiap hujung minggu").





Kanan: "Bukit Beirut".

(Sumber: [Muna Noor](#) @ POKOK KELAPA, NOVEMBER 12, 2021:

"BUKIT TUNGGUL HIKE").

|



Kiri: "Bukit Unggul Country Club's golfing greens at the foot of Bukit Tunggul." ([Muna Noor](#) @ POKOK KELAPA, NOVEMBER 12, 2021:

"BUKIT TUNGGUL HIKE").

Tengah: "Kelihatan awan yang tebal boleh dilihat dari kawasan pemandangan sebelum puncak. Pemandangan sebelah barat ini merupakan kawasan sebelah Jenderam. Perjalanan ke sini memerlukan pendakian beberapa bukit kecil yang telah dilabelkan Bukit Janda dan Bukit Bujang." ([Norzaiham Nazley](#) @ [zaiham 9W2DYA / 113MB290](#), October 24, 2021:

|

"Bukit Tunggul, Jenderam").

Kanan: "Pemandangan Jenderam yang semakin hampir menunjukkan altitud ketinggian semakin

rendah dan menghampiri ke tempat permulaan semula." (Norzaiham Nazley @ zaiham 9W2DYA / 113MB290, October 24, 2021:

|

"Bukit Tunggul, Jenderam").





Kiri: Gambar dari tebing utara Tasik Idaman, Kampung Sungai Buah Luar. Menghadap ke arah [Bukit Tunggul](#) yang melatarinya di sebelah selatan. Berdekatan petempatan awal di sekitar muara Sungai Semenyih - Sungai Buah. Dahulu dikenali sebagai Kampung Batu 24, dikatakan kampung asal ramai penduduk awal Bangi: *"Kampung Sungai Buah Luar, generasi lama mengenalnya sebagai Kampung Batu 24 @ Kampung Lesen."* (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 17 November 2025: "[Panorama Bangi](#)").

Kanan: Pemandangan Bukit Tunggul, dari Bandar Puteri Bangi. Bangunan yang kelihatan di kejauhan itu mungkin Apartment Putra 1, Bandar Seri Putra: *"Tetiba ada Mount Fuji. SubhanAllah yang sentiasa menciptakan keindahan. #beautiful— di Bandar Puteri Bangi"* (Ros Mawarti Liza @ Bandar Sri Putra Bukit Mahkota Community, 17 Disember 2024: "[Tetiba ada Mount Fuji](#)").

MAKLUMAT LANJUT: [Kampung Sungai Buah \(1870-an\)](#)

MAKLUMAT LANJUT: [Kampung Bangi \(1870-an\)](#)

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/hutan_bukit_tunggul?rev=1777624141

Last update: **2026/05/01 16:29**

